

Pendatang: KL, Manila sepakat

8 AUG 2001

PUTRAJAYA 7 Ogos — Malaysia dan Filipina mencapai kata sepakat dalam usaha untuk mengatasi masalah kemasukan pendatang asing Filipina ke negara ini melalui program pemutihan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, di bawah persetujuan itu, rakyat Filipina yang memasuki Malaysia secara haram akan dihantar pulang ke negara asal.

Katanya, setakat ini sebanyak 120,000 rakyat Filipina telah menjalani proses itu dan 60,000 daripada mereka telah diberi pasport berdasarkan persetujuan kedua-dua negara.

Bagdimumpun, beliau berkata, Filipina meminta selepas

proses dokumentasi dilakukan, rakyatnya terus dihantar pulang tanpa perlu menjalani proses mahkamah di Malaysia.

“Kedua-dua negara bersetuju menangani isu pendatang asing ini secara bersama dan kita harap mereka akan balik ke Filipina.

“Mereka (rakyat Filipina) mahu pulang dengan syarat mereka mempunyai pekerjaan di sana dan sebab itu kita perlu adakan kerjasama antara kedua-dua negara,” katanya pada sidang akhbar selepas pertemuan antara delegasi Filipina dan Malaysia di pejabat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Pertemuan bagi membincangkan isu-isu dua hala kedua-

dua kerajaan itu adalah bersempena lawatan rasmi Presiden Gloria Macapagal Arroyo selama tiga hari di negara ini.

Sementara itu, Syed Hamid berkata, kedua-dua negara bersetuju menggiatkan semula Majlis Perniagaan Bersama di bawah Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur — Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina (BIMP-EAGA) yang terhenti akibat kemelesetan ekonomi sebelum ini.

Katanya, Filipina meminta Malaysia meningkatkan kerjasama di bidang tenaga melalui pembinaan saluran paip gas dari Sabah.

Selain itu, beliau berkata, Filipina mempelawa usahawan Malaysia untuk melabur dalam bidang perladangan termasuk ladang tebu untuk in-

dustri gula, perikanan dan pelancongan.

“Sebuah institusi bank dari Labuan juga berminat melabur dalam institusi perbankan Islam, Al-Amanah, di Filipina.

“Kerajaan akan membantu dari pelbagai aspek tetapi mesti ada kepastian dari segi pemilikan tanah dan juga keharmonian undang-undang supaya Pelaburan Terus Asing (FDI) masuk dengan mudah,” tambahnya.

BIMP-EAGA dibentuk pada 1995 dan di Malaysia ia meliputi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Perangkaan menunjukkan sepanjang tempoh 1995 hingga 1999, wilayah Malaysia yang terlibat menerima sebanyak 350 projek.